



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR
Department Of Veterinary Services
Kementerian Pertanian dan Industri Makanan
Wisma Tani, Blok Podium Lot 4G1 & 4G2
No. 28 Persiaran Perdana, Presint 4
62630 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 603-8870 2000
Faks : 603-8888 6021
E-mel : respon@dvs.gov.my
Laman Web : www.dvs.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BERHUBUNG LAPORAN JABATAN KESIHATAN NEGERI SELANGOR MENGENAI KES RABIES PADA MANUSIA DI DAERAH PETALING, SELANGOR

1. Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) merujuk kepada laporan Jabatan Kesihatan Negeri Selangor mengenai satu kes rabies melibatkan seorang lelaki di Daerah Petaling, Selangor. Susulan itu DVS telah mengaktifkan surveilan dan persampelan bagi mengesan rabies di kalangan anjing-anjing berkeliaran di kawasan satu km radius indeks kes.
2. Setakat ini keputusan ujian Makmal Veterinar menggunakan teknik ujian *Direct Fluorescent Antibody Test* (DFAT) dari sampel yang di ambil menunjukkan negatif terhadap virus rabies.
3. DVS akan terus mengaktifkan surveilan dan persampelan di kalangan anjing berkeliaran di Daerah Petaling untuk mengesan rabies. Sehingga kini, tiada aduan melibatkan kematian anjing dijangkiti rabies atau yang menjurus kepada tanda klinikal rabies di Negeri Selangor.
4. DVS ingin memaklumkan bahawa program kawalan rabies dijalankan secara berterusan di seluruh Negara. Hasil pemantauan dan ujian makmal (DFAT) ke atas sampel yang diuji selama ini menunjukkan tiada rabies dikesan.
5. Orang awam dinasihatkan supaya segera melaporkan ke Pejabat Perkhidmatan Veterinar yang terdekat jika terdapat perubahan tingkah laku pada anjing samada menjadi agresif atau dungu. Kes gigitan anjing perlu segera dilaporkan ke Pejabat Perkhidmatan Veterinar dan mendapatkan rawatan di klinik atau hospital berdekatan.
6. DVS menasihatkan orang awam tidak panik dan memberi kerjasama kepada DVS dalam menangani kes rabies dikalangan haiwan.

Disediakan:

Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia

Putrajaya

11 April 2022